

Headline	Empat Ahli Lembaga Pengarah baru Unisel diumumkan		
Date	20. Aug 2008	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	29
Section	Dalam Negeri	Article Size	290 cm2
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color
		AdValue	4096.99



## Empat Ahli Lembaga Pengarah baru Unisel diumumkan

SHAH ALAM 19 Ogos - Kerajaan negeri Selangor telah melantik empat Ahli Lembaga Pengarah Universiti Industri Selangor (Unisel) yang baru berkuat kuasa 14 Ogos lalu.

Mereka yang dilantik ialah Naib Presiden Bahagian Pendidikan Petronas, Datuk Dr. Rosti Saruwono; bekas Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Datuk Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaie; bekas Ketua Pegawai Eksekutif Sirim Berhad, Datuk Dr. Mohamed Ariffin Aton dan seorang peguam, Faekah Husin.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberitahu, kesemua mereka dilantik berdasarkan pengalaman luas dalam pentadbiran serta pengurusan akademik dan mereka juga bertanggungjawab membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Unisel.

"Pelantikan mereka adalah antara langkah awal dari pihak kerajaan negeri untuk menjadikan Unisel sebuah universiti yang mempunyai daya saing serta dapat melahirkan lebih ramai lagi graduan yang bersedia bertugas di peringkat antara-

bangsa," kata beliau.

Abdul Khalid berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Seni Visual Zirkon@708, Fakulti Teknologi Seni Lukis dan Seni Reka Industri Unisel di Galeri Shah Alam di sini petang ini.

Menurut beliau, pelantikan terbaru ini menjadikan jumlah keseluruhan Ahli Lembaga Pengarah Unisel kini 13 orang.

Sementara itu ketika ditanya mengenai pelantikan jawatan Naib Canselor Unisel yang baru, Abdul Khalid berkata, pelantikan jawatan tersebut akan dibuat seawat-lewatnya akhir tahun ini berikutan calonnya masih belum ada.

Bagaimanapun ujar beliau, satu jawatankuasa khas telah dibentuk untuk memilih calon yang sesuai bagi jawatan itu.

"Jawatankuasa yang sama juga akan memilih tiga nama untuk mengisi tiga jawatan Timbalan Naib Canselor bagi Unisel," kata beliau.

Jawatan Naib Canselor Unisel kini dipangku Profesor Dr. Khalifah Othman.



KHALID Ibrahim berminat dengan salah satu lukisan yang dipamerkan pada pameran Seni Visual Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Industri Unisel, semalam.

- Gambar SAHARUDDIN ABDULLAH